

11/05/2004

Sembilan negara hadir mesyuarat NAM

KUALA LUMPUR: Sembilan daripada 12 negara mengesahkan kehadiran pada mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengenai Palestin di Putrajaya, Khamis ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Senegal, Zimbabwe dan Filipina diwakili Menteri Luar, manakala Cuba dan Afrika Selatan menghantar Timbalan Menteri Luar.

Beliau berkata, Palestin, Sri Lanka, Zambia dan India pula belum menyatakan wakil yang dihantar sama ada peringkat menteri, timbalan menteri atau pegawai.

"Walaupun dari segi korum kita sudah boleh mengadakan mesyuarat, kita berharap semua 12 anggota jawatankuasa dapat hadir," katanya pada sidang media selepas diwawancara secara langsung dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di Radio Televisyen Malaysia, Angkasapuri di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, pada mesyuarat Khamis ini, Malaysia meminta diberikan mandat untuk bercakap bagi pihak jawatankuasa berkenaan khususnya mengenai isu Palestin dan Iraq.

Sebelum ini, katanya, Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga sudah mendapat mandat daripada jawatankuasa berkenaan dalam OIC dan berharap NAM akan memberi mandat serupa supaya pandangan serta suara OIC dan NAM dapat disatukan.

"Saya akan menyampaikan suara OIC dan NAM ini ke Ireland yang menjadi Presiden Kesatuan Eropah (EU), sebelum berjumpa dan menyampaikan pandangan kita kepada pemimpin Russia di Moscow, seterusnya kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan di New York.

"Saya juga berharap selepas itu dapat mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell dan seterusnya mengadakan mesyuarat dua hala dengan kerajaan Britain," katanya.

Beliau juga sudah menghubungi Menteri Luar Russia menerusi telefon dan memberitahu bahawa OIC mahu sentiasa mempunyai hubungan baik dengan negara itu dan mahu berbincang mengenai isu antarabangsa.

OIC dan NAM, katanya, tidak mahu berpeluk tubuh selepas mesyuarat, tetapi terus membuat tindakan susulan secara berterusan menerusi lawatan seperti itu ke arah menjayakan deklarasasi dan pernyataan yang dibuat ke dalam bentuk tindakan.

Syed Hamid berkata, penting untuk Malaysia selaku Pengerusi OIC dan NAM untuk menyampaikan pandangan dua pergerakan itu kerana Israel semakin bertindak sesuka hati sehingga berani mengeneipkan pelan damai.

"Kalau kita mahu menentukan kewibawaan negara OIC dan PBB bagi membawa keadilan dan keamanan di Palestin, penting bagi kita memainkan peranan sebagai pemimpin OIC dan NAM untuk menyampaikan pandangan dan pendapat kita," katanya.

Beliau berkata, berbanding deklarasasi yang dikeluarkan pada mesyuarat OIC yang lalu, mesyuarat NAM Khamis ini hanya mengeluarkan pernyataan.

Selain negara anggota, mesyuarat itu yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijangka dihadiri sembilan negara lain termasuk negara anggota NAM yang menduduki kerusi Majlis Keselamatan PBB iaitu Angola, Benin, Chile dan Pakistan.

Terdahulu dalam rancangan wawancara itu, Syed Hamid berkata, mesyuarat NAM Khamis ini amat penting berikutan perkembangan terkini yang menyaksikan keangkuhan Israel disokong oleh kuasa besar amat membimbangkan.

"Kalau kita mahu memerangi keganasan pada peringkat antarabangsa, mahu mengikis perasaan tidak puas hati masyarakat di rantau itu dan masyarakat Islam, isu Palestin perlu diselesaikan segera.

"Sekarang kita lihat amat perlu untuk diadakan mesyuarat di peringkat jawatankuasa NAM mengenai isu Palestin, kerana perkembangan terkini jika dibiarkan, pasti membawa lebih banyak penderitaan dan kezaliman terhadap rakyat Palestin," katanya.

Syed Hamid berkata, mesyuarat Khamis ini juga tidak dapat mengelak daripada membincangkan isu Iraq walaupun tumpuan utama ialah isu Palestin, kerana ia juga membabitkan keadilan sejagat.

Ditanya pandangan beliau mengenai pendapat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya ekonomi dan minyak dijadikan senjata, beliau berkata, sebelum tindakan sedemikian diambil, perlu diperincikan apakah kuasa sebenar negara Islam dalam ekonomi.

(END)